

Majikan wajib sediakan kemudahan penginapan

Metro M/S 28 7/8/19

Kuala Lumpur: Majikan di sektor perindustrian termasuk pembinaan akan diwajibkan menyediakan kemudahan penginapan yang memenuhi standard minimum ditetapkan kerajaan tidak lama lagi.

Menteri Kerja Raya, Baru Bian berkata, ketetapan itu diputuskan menerusi kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam merealisasikan inisiatif dan program di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020.

"Pindaan terhadap Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja) diluluskan di Parlimen pada 31 Julai lalu, ia antara lain akan mewajibkan semua majikan dalam sektor perindustrian termasuk pembinaan menyediakan penginapan yang memenuhi standard minimum seperti mana yang termaktub dalam akta berkenaan.

"Bila atau bagaimana ia dilaksanakan adalah di bawah bidang kuasa KSM namun di

pihak Kementerian Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), akan bekerjasama erat dengan kementerian itu dalam menyediakan peraturan berkaitan kemudahan terbabit," katanya pada sidang media berhubung perkembangan terkini CITP di ibu negara, semalam.

Hadir sama, Timbalannya, Mohd Anuar Tahir; Pengerusi CIDB, Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin Ali dan Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid.

Dalam pada itu, mengulas lanjut mengenai isu keselamatan di tapak pembinaan, beliau berkata, pelbagai usaha turut dilakukan bagi mewajibkan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan (OSHCIM) pada 2020.

"Di bawah OSHCIM, pihak berkaitan termasuk pelanggan, pereka dan kontraktor akan bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak pembinaan," katanya.